

UTM juara Liga Bola Jaring IPT 2013

Oleh Harris Rajahdin
bhvarsiti@mediaprima.com.my

► Kuala Lumpur

Universiti Teknologi Malaysia (UTM) muncul juara Liga Bola Jaring Institusi Pengajian Tinggi (IPT) 2013 selepas memenangi cabaran Universiti Putra Malaysia (UPM) dengan kiraan mata 38-26 dalam perlawanan akhir di Dewan Serba Guna Pusat Sukan, Universiti Malaya (UM) di sini,

baru-baru ini. Walaupun UPM memberi saingan sengit pada peringkat awal perlawanan, namun UTM berjaya bangkit untuk menguasai perlawanan sehingga tamat permainan.

Hasrat UM selaku tuan rumah untuk sekurang-kurangnya merangkul tempat ketiga selepas dikecewakan oleh UTM di peringkat separuh akhir tidak kesampaian apabila tewas kepada Universiti Teknologi MARA (UiTM) dalam penentuan tempat ketiga dan keempat dengan keputusan 21-34.

Kekecewaan UM terubat apabila pemainnya, Lim Mun Yee dinobatkan sebagai Pemain



Pasukan UTM ceria selepas dinobatkan juara Liga Bola Jaring IPT 2013.

Muda Harapan.

UTM selaku juara membawa pulang hadiah wang tunai RM5,000 berserta Piala KSU-KPT, piala iringan, pingat dan sijil penyertaan selain menyaksikan pemain mereka, Fazira Mesnan diumumkan

sebagai Pemain Pertahanan Terbaik.

Sementara itu, UiTM yang tewas kepada UPM pada peringkat separuh akhir dengan keputusan 22 berbalas 27 membawa pulang anugerah Pemain Terbaik menerusi

pemainnya, Rozliana Mohd Ridwan manakala pemain UPM, Nurain Omar muncul Penjaring Terbanyak dengan 200 jaring.

Pertandingan akhir Liga Bola Jaring IPT 2013 disertai oleh 20 pasukan.